

03 NOV 2002

Sekolah-Politik

BANTUAN DIHENTI KERANA ADA SEKOLAH AGAMA JADI ALAT POLITIK

KOTA BAHARU, 3 Nov (Bernama) -- Langkah kerajaan pusat membekukan sementara pemberian peruntukan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) di seluruh negara semata-mata bagi menghentikan amalan berpolitik di sekolah berkenaan oleh sesetengah pihak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata tindakan itu terpaksa dibuat bagi mengelakkan masa depan pelajar sekolah itu terjejas.

"Kita kesian kepada anak-anak kita, sebab itu keadaan yang berlaku tidak boleh dibiarkan berterusan... Kerajaan sama sekali tidak berharast untuk menganiayai pelajar," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 25 Okt lepas berkata kerajaan pusat membekukan sementara pemberian peruntukan tahunan kepada SAR di seluruh negara berikutan dakwaan ada guru-guru di sekolah terbabit menghasut pelajar membenci pemimpin negara.

Abdul Hamid berkata langkah sesetengah pihak menggunakan SAR bagi mempengaruhi pemikiran pelajar adalah berbahaya dan seharusnya mereka yang terbabit insaf dengan perbuatan mereka itu.

"Menanam sifat benci, menghasut, memfitnah dan sebagainya bukan sebahagian sistem pendidikan," katanya.

Abdul Hamid berkata kerajaan pusat mempunyai bukti dan maklumat berhubung perkara itu dan bukan menghentikan bantuan secara sewenang-wenangnya.

"Kerajaan tidak pernah bertindak di atas perkara yang samar-samar atau perkara yang tidak tahu asal usulnya," katanya.

Terdahulu, Abdul Hamid menyerahkan zakat Tabung Haji berjumlah RM1.154 juta kepada Majlis Agama Islam Kelantan, daripada 412,000 pendeposit Tabung Haji negeri itu.

Kelantan adalah negeri keempat terbesar pengeluar zakat Tabung Haji selepas Wilayah Persekutuan, Selangor dan Johor.

Sementara itu di PASIR PUTEH, Badan Perhubungan Umno Kelantan akan mengemukakan senarai sekolah-sekolah agama di Kelantan yang didapati menentang kerajaan pusat dan pemimpin negara.

Pengerusinya Datuk Mustapa Mohamed berkata kesemua 14 ketua Bahagian Umno Kelantan akan diarahkan menyenaraikan sekolah-sekolah berkenaan sebagai bukti bahawa sememangnya berlaku kejadian pelajar SAR dihasut supaya membenci pemimpin dan kerajaan pusat.

"Mereka akan diminta menyerahkan senarai itu dengan segera bagi tindakan selanjutnya," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata Umno Kelantan memerlukan sedikit masa untuk membuktikan perkara itu sememangnya ada berlaku.

"Apa yang jelas sekarang terdapat mudir-mudir sekolah menengah agama yang dilantik sebagai imam di masjid-masjid menentang kerajaan dan memburuk-burukkan pemimpin negara ketika membaca khutbah Jumaat", katanya.

Beliau berkata terdapat juga sekolah agama digunakan sebagai kubu kuat PAS dengan mengadakan majlis-majlis ceramah dan melahirkan kader-kader PAS bagi menentang kerajaan pusat.

-- BERNAMA

WM RAR ROS